



PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL (IPNCPD)  
INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
Tingkat 1, Menara 2  
Wisma Mustapha Kamal Neocyber, Cyber 12  
63000 Cyberjaya  
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-8324 4400  
Fak : 03-8318 7394  
Web : <http://www.ipn.gov.my>

Rujukan Kami : JANM-IPNCPD 600-19/4/4 Jld. 3 (17 )  
Tarikh : 29 Julai 2020

**KEPADA SEMUA AKAUNTAN LANTIKAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan

**PELAWAN MENGIKUTI PROGRAM PENGAJIAN DALAM BADAN PROFESIONAL PERAKAUNAN KENDALIAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) BAGI SESI JANUARI – JUN 2021 BAGI PROGRAM:**

- i. ***THE CHARTERED INSTITUTE OF MANAGEMENT ACCOUNTANTS (CIMA) – MIA SPECIAL PATHWAY***
- ii. ***THE ASSOCIATION OF CHARTERED CERTIFIED ACCOUNTANTS (ACCA) – MIA SPECIAL PATHWAY***
- iii. ***THE CERTIFIED PRACTISING ACCOUNTANTS AUSTRALIA (CPA AUSTRALIA) – MIA SPECIAL PATHWAY***
- iv. ***THE MALAYSIAN INSTITUTE OF CERTIFIED PUBLIC ACCOUNTANTS (MICPA) – MICPA - CAANZ***

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, JANM melalui Pusat Pembangunan Profesional, Institut Perakaunan Negara, Cyberjaya (IPNCPD) dengan kerjasama rakan strategik badan profesional perakaunan akan membuat pengambilan bagi program yang dinyatakan di atas untuk sesi Januari – Jun 2021. Sehubungan itu, akauntan lantikan JANM yang layak dan menepati kriteria yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengikuti salah satu daripada program tersebut.

3. Calon yang berjaya dan terpilih untuk menyertai program keahlian dalam badan profesional perakaunan anjuran IPNCPD pada sesi Januari – Jun 2021 akan menerima tajaan penuh daripada JANM. Tajaan merangkumi bayaran yuran- yuran profesional dan yuran pengajian. Sila rujuk **Lampiran A hingga E** (mengikut program) untuk maklumat syarat-syarat kelayakan, kalendar program, maklumat pembiayaan dan borang-borang permohonan bagi program yang berkaitan. Pembelajaran boleh diikuti secara bersemuka atau secara dalam talian.

*Excellent Accounting @ Your Service*



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO : MAS 101246

4. Bagi menjayakan inisiatif strategik yang berimpak tinggi ini, sokongan ketua – ketua Jabatan adalah diperlukan bagi membenarkan calon – calon untuk menghadiri kursus dan bengkel yang telah dirancang. Kehadiran ke kursus dan bengkel ini adalah penting untuk menyediakan calon – calon menghadapi peperiksaan program tersebut dengan tenang dan yakin berjaya. Mohon budi bicara dan pertimbangan ketua-ketua jabatan untuk membenarkan calon-calon membuat tuntutan perbelanjaan menghadiri kursus dan bengkel yang dianjurkan oleh IPNCPD.
5. Calon – calon yang berminat, bolehlah mengisi borang permohonan program pengajian dalam badan profesional perakaunan yang ingin diikuti di **Lampiran A hingga D** bersekali dengan dokumen-dokumen yang berkenaan.
6. Borang permohonan yang telah lengkap diisi, beserta dokumen – dokumen sokongan **hendaklah dihantar kepada pihak kami sebelum atau pada 1 September 2020 (Selasa)** ke alamat berikut:

**Pengarah  
Institut Perakaunan Negara  
Pusat Pembangunan Profesional  
Tingkat 1 (02-01-01) Menara 2, Wisma Mustapha Kamal  
Neocyber, Cyber 12,  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
(u.p : Unit Pembangunan Profesional)  
e-mel: [ipncpd@anm.gov.my](mailto:ipncpd@anm.gov.my)**

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung program keahlian dalam badan profesional perakaunan ini, bolehlah diajukan kepada pegawai IPNCPD yang berikut:

- |     |  |              |
|-----|--|--------------|
| i   | Pn. Nurul Husna Binti Assanah<br><a href="mailto:nurulhusna@anm.gov.my">nurulhusna@anm.gov.my</a>              | 03-8324 4405 |
| ii  | Cik Suhailah binti Sadaka Dullah<br><a href="mailto:suhailah.dullah@anm.gov.my">suhailah.dullah@anm.gov.my</a> | 03-8324 4410 |
| iii | En. Ahmad Areaza bin Abdul Rahman<br><a href="mailto:areaza.rahman@anm.gov.my">areaza.rahman@anm.gov.my</a>    | 03-8324 4408 |


8. Semua akauntan lantikan JANM amat digalakkan untuk menyertai program ini, bagi menyokong pembangunan kerjaya Akauntan serta meningkatkan lagi tahap kompetensi dan akauntabiliti Akauntan JANM. Segala kerjasama yang diberikan dalam menjayakan inisiatif ini demi pembangunan profesion perakaunan sektor awam didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menjalankan amanah,



**DR. D. JOYCE CHRISTINA DHARMARAJ**  
C.A (M), CPA (Aust), CPFA (UK), ASEAN CPA, FCMA (UK), CGMA  
b.p. Pengarah  
Institut Perakaunan Negara  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

s.k :

1. Akauntan Negara Malaysia
2. Timbalan Akauntan Negara (Operasi)
3. Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
4. Pengarah Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan
5. Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
6. Pengarah Institut Perakaunan Negara